

# Satu maut, empat kaki pancing lain dikhuatiri mati lemas

Oleh EDDY HAMIDI

**SUNGAI BULOH** – Satu maut sementara empat lagi kaki pancing dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan arus deras ketika memancing di Sungai Gasi berhampiran Kem Paya Jaras, Markas Angkatan Tentera Malaysia, Sungai Buloh kira-kira pukul 5 petang semalam.



MOHD. RIZAL

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan S. Somu berkata, pihaknya menerima laporan yang dibuat dua daripada tiga mangsa yang terselamat dalam kejadian itu.

“Kedua-dua lelaki terbabit maklumkan bahawa mereka memancing di Sungai Gasi ditemani isteri masing-masing.

“Kesemua mereka termasuk



INILAH lokasi empat mangsa dikhuatiri lemas di Sungai Gasi berhampiran Kem Paya Jaras, Markas Angkatan Tentera Malaysia, Sungai Buloh petang semalam.

beberapa seorang lagi pancing kemudiannya dihanyutkan arus deras sungai berikutan air pasang,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Somu berkata, pihaknya dengan kerjasama bomba, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia menjalankan misi mengesan mangsa yang yang

masing-masing dalam lingkungan umur 14 hingga 48 tahun.

Setakat pukul 12 malam tadi, satu mayat lelaki berjaya ditemui tertiarap dan tersangkut pada tebing sungai pada pukul 8.40 malam tadi. Bagaimanapun, identiti mangsa belum dapat dikenal pasti.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Buloh, Muhammad Hazrin



PIHAK berkuasa mengusung mayat pemancing pertama yang ditemui tertiarap dan tersangkut di tebing Sungai Gasi malam tadi.

Zulkifli berkata, operasi turut melibatkan Pasukan Penyelam di Air memandangkan sesetengah kawasan di sungai berkenaan mencecah kedalaman sehingga tujuh meter.

Dalam pada itu, salah seorang mangsa terselamat yang dikenali sebagai Mohd. Rizal Mat Desa, 31, berkata, isterinya, Silawati Zailan, 31, sempat me-luahkan rasa sayang kepadanya

sebelum dibawa arus deras.

“Dia cakap, saya sayang awak sebelum genggam tangan kami berdua terlepas. Arus ketika itu sangat deras hingga saya tak boleh buat apa-apa. Saya juga sempat melihat seorang demi seorang mangsa hanyut dibawa arus,” katanya dengan nada sedih.

Mohd. Rizal berkata, dia ke sungai berkenaan menemani isteri, bapa dan ibu saudaranya untuk memancing.

Sementara itu, di **Kuantan, Pahang**, dua lelaki berusia 22 tahun dikhuatiri lemas selepas dilaporkan hilang di air terjun Bekelah dekat Gambang pukul 3.14 petang.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Zainal Yusoff berkata, pihaknya melancarkan operasi mengesan mangsa yang dikenali sebagai Faris Shahrin dan Azfar Mohmad.

“Buat masa ini, operasi masih diteruskan,” ujarnya.